



**AISYAH** (tengah) bersama para peserta yang menjayakan Program Khidmat Mesra Komuniti AADK di Pantai Tanjung Pisau.

# AADK, UMS bersihkan Pantai Tanjung Pisau

Oleh NOORASVILLA MUHAMMA

UB 15.7.2019 A3

SANDAKAN: Lebih 50 peserta terlibat menjayakan Program Khidmat Mesra Komuniti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di Pantai Tanjung Pisau, di sini pada Sabtu.

Para peserta terdiri daripada pegawai, kakitangan, residen, orang kena pengawasan (OKP) dan Skuad Antidadah AADK Daerah Sandakan bersama pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) selain disertai oleh pengusaha Inap Desa Tanjung Pisau, Datuk Daning Bajau.

Program itu tertumpu kepada aktiviti pembersihan kawasan pesisir pantai yang dicemari

sampah-sarap selain melibatkan kawasan persekitaran Inap Desa Tanjung Pisau yang telah lama terbiar dan dipenuhi semak-semun.

Ketua Pegawai AADK Daerah Sandakan Aisyah Abdul Karim berkata program itu adalah sebahagian daripada latihan, rawatan dan pemulihan serta pendedahan kepada residen dan OKP ke dalam masyarakat.

“Aktiviti pembersihan meliputi kawasan pesisir pantai sejauh 500 meter. Terdapat sampah plastik, botol kaca, bekas makanan, polisterin dan jaring. Sampah-sarap ini mungkin ditinggalkan pengunjung atau dibawa oleh ombak.

“Matlamat kita bukan untuk itu sahaja tetapi antara lain program

ini dapat mendedahkan residen dan OKP ke dalam masyarakat.

“Program sehari ini juga sebagai tanda sokongan padu terhadap kempen Jom Hijau AADK untuk memastikan kawasan persekitaran termasuk pusat perkelahan kekal bersih,” katanya.

Sementara itu, bagi Daniel yang merupakan seorang OKP, penglibatannya itu adalah sebagai sumbangan peribadi terhadap alam sekitar selain dapat melakukan aktiviti yang sihat untuk badan.

Seorang residen CCSC, Mohd Khairul Abdul Mumin pula menganggap program itu dapat memberi rawatan kepadanya agar terus pulih daripada pengaruh dadah dengan melakukan aktiviti lebih berfaedah.